Pejabat Daerah Kecil Bario

PENGENALAN

Bario merupakan salah satu kawasan yang dicadangkan untuk diwujudkan menjadi sebuah Daerah Kecil. Bario ialah sebuah perkampungan yang terletak di pertengahan Tanah Tinggi Kelabit di timur laut Sarawak, sangat dekat dengan sempadan antarabangsa dengan Kalimantan di Indonesia, dan 3,280 kaki atas aras laut. Ia merupakan penempatan utama di Tanah Tinggi Kelabit.

Bario boleh dihubungi melalui jaringan pengangkutan udara dari Miri dan Marudi ke Bario dua kali sehari. Pengangkutan darat ke Bario pula mengambil masa kira-kira 14 jam perjalanan dari Miri.

KELUASAN

Keluasan Daerah Kecil Bario adalah **4,259 km persegi.**

JUMLAH KAWASAN PILIHANRAYA / DUN

Dari segi kawasan persempadan pilihanraya, Daerah Kecil Bario ini adalah dibawah Parlimen P.222 Lawas dan sebahagiannya di bawah Dewan Undangan Negeri N.70 Ba' Kelalan dan sebahagian kecil kawasan adalah di bawah Dewan Undangan Negeri N.67 Telang Usan.

PUSAT PENTADBIRAN

Cadangan Pusat Pentadbiran Baru adalah di Pekan Bario. Kawasan Bario itu sendiri mempunyai beberapa buah kampung yang berdekatan antara satu sama lain seperti Kampung Bario Asal, Kampung Padang Pasir, Kampung Pa' Ramapuh Atas, Kampung Pa' Ramapuh Bawah, Kampung Pa' Ukat, Kampung Pa' Main, Kampung Pa' Bangar, Kampung Pa' Mada, Kampung Pa' Derong, Kampung Pa' Umor, Kampung Ulung Palang dan sebagainya.. Namun persempadan baru Daerah Kecil Bario telah merentasi di luar kawasan Bario itu sendiri yang menganjur hingga ke kawasan barat dari Pa' Mada hingga ke Long Banga. Manakala di sebelah timurnya hingga ke Long Seridan.

JUMLAH/SENARAI JABATAN/AGENSI KERAJAAN

Bil	Jabatan/Agensi Kerajaan Sedia Ada
1	Balai Polis Bario
2	Malaysia Airports Berhad (Bario, Long Seridan, Long Lellang & Long Banga)
3	Jabatan Imigresen Malaysia
4	Stesen Pertanian (Bario & Long Banga)
5	Kem Tentera (Batalion Ke 12, RAMD)
6	Perpustakaan Awam (Majlis Daerah Marudi)
7	Jabatan Hutan
8	Sekolah :
	8.1 SMK Bario
	8.2 SK Bario
	8.3 SK Long Banga
	8.4 SK Long Lamai
	8.5 SK Long Lellang
	8.6 SK Long Sait
	8.7 SK Long Seridan
9	Klinik :
	9.1 Klinik Kesihatan Bario
	9.2 Klinik Kesihatan Pa' Dallih
	9.3 Klinik Kesihatan Long Lellang
	9.4 Klinik Kesihatan Long Seridan
	9.5 Klinik Kesihatan Long Banga
Bil	**Jabatan/Agensi Kerajaan Baru (yang dicadangkan)**
1	Pejabat Daerah Kecil Bario
2	Stesen Pertanian (Long Lellang & Long Peluan)
3	Balai Polis Long Banga
4	Balai Bomba Bario

PENDUDUK

Bilangan penduduk di Daerah Kecil Bario adalah berjumlah **7513 orang.**

TABURAN KEPENDUDUKAN

Bil	Etnik	Jumlah
1	Kelabit	4,987
2	Penan	1,526
3	Saban	1000
	Jumlah	**7,513**

SOSIO EKONOMI

Secara umumnya majoriti penduduk mengamalkan aktiviti kehidupan sara diri sahaja. Mereka mengamalkan pertanian tradisional seperti tanaman kecil-kecilan sara diri, tanaman padi sawah dan bukit, penanaman nenas Bario, menangkap ikan, dan memburu. Mereka juga tiada sebarang aktiviti pertanian komersil yang diusahakan oleh penduduk kampung. Walaubagaimanapun, pihak kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian Sarawak dan Pertubuhan Peladang telah mengambil insiatif dengan membantu petani tempatan menuai padi secara komersial. Melalui "Projek Pembangunan Industri Padi Bario", Bario Ceria Sdn. Bhd. yang dilantik oleh pihak kerajaan untuk membangunkan industri padi di Bario dari segi khidmat nasihat, bimbingan dan strategi pemasaran kepada para peserta projek ini.

Jabatan Pertanian Sarawak juga telah mengambil langkah pro aktif dengan mengalakkan aktiviti penanaman Getah secara komersial di kawasan Long Banga, Long Peluan dan Long Beruang. Tujuannya ialah untuk membantu meningkatkan pendapatan serta kesejahteraan masyarakat luar bandar serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar. Projek perintis penamanan Getah seluas 20 Hektar di Long Peluan dan 10 Hektar di Long Beruang telah ditanam masing-masing dengan 8,502 pokok dan 3,997 pokok getah berhasil tinggi.

Selain daripada itu, Projek Tagang yang berkonsepkan perkongsian pintar antara masyarakat tempatan dan sektor awam (agensi kerajaan) dalam melindungi, memulihara dan mengurus sumber asli perikanan di sesebuah sungai. Projek tagang Long Peluan dilaksanakan di tiga buah sungai iaitu Sg. Pa' Kelapang, Sg. Pa' Peluan dan Sg. Bale.

Selain daripada aktiviti pertanian, masyarakat di Daerah Kecil Bario ini turut menjalankan aktiviti pembuatan garam bukit. Pusat pembuatan garam bukit yang terkenal adalah di Lubang Garam, Pa' Umor.

Oleh kerana kawasan Bario terletak di kawasan tanah tinggi, dengan suhu yang sederhana, ramai pelancong dari luar dan dalam Negara tertarik untuk berkunjung ke sini. Ini telah memberi peluang kepada masyarakat Bario untuk membuka rumah-rumah tumpangan bagi menampung jumlah pelancong yang semakin bertambah saban tahun. Aktiviti pelancongan ini telah membantu menjana pendapatan pengusah-pengusaha rumah tumpangan di Bario.

Di samping itu, kegiatan pembalakan mula bergiat di kawasan Daerah Kecil Bario sejak sekian lama. Syarikat Samling merupakan syarikat pembalakan yang paling dominan di kawasan ini. Ramai di kalangan penduduk di kawasan ini bekerja dengan syarikat pembalakan yang berkenaan dan sekaligus memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Di samping itu, kampung-kampung yang berada di kawasan konsesi syarikat ini telah dibantu dari segi bantuan penyelengaraan jalan, membina rumah dan lain-lain aktiviti sosial di bawah tanggungjawab sosial korporat.

PENDAPATAN DAN KADAR KEMISKINAN

Kategori Kemiskinan	Kategori Pendapatan	Bilangan KIR	Peratusan (%)
Miskin Tegar		26	1.63
Miskin	RM521-RM830	199	12.45
Jumlah		**225**	**14.08**
Tidak Miskin	>RM831	1,373	85.92
Jumlah Keseluruhan		**1,598**	**100**

Nota:

1.KIR = Ketua Isi Rumah;

2.Maklumat Bilangan Miskin dan Miskin Tegar adalah diperolehi dari Pejabat Pembangunan Negeri berdasarkan Laporan Kiraan Permulaan 2010 Jabatan Perangkaan

SENARAI PERKAMPUNGAN DI DAERAH KECIL BARIO

Senarai nama kampung dan penempatan di Daerah Kecil Bario

Jumlah Kampung : 46

Jumlah Pintu : 929

Bilangan Penduduk : 7513 orang

BIL.	NAMA KPG / RH. PANJANG	DAERAH	BIL. PINTU	JUMLAH PENDUDUK
1	Ulung Palang (A)	Daerah Kecil Bario	23	230
2	Ulung Palang B	Daerah Kecil Bario	12	145
3	Arur Dalan, Kubaan	Daerah Kecil Bario	14	104
4	Pa Lungan	Daerah Kecil Bario	32	213
5	Arur Layun	Daerah Kecil Bario	11	66
6	Pa Ukat	Daerah Kecil Bario	26	230
7	Pa Umor	Daerah Kecil Bario	12	98
8	Bario Asal	Daerah Kecil Bario	29	192
9	Pa Ramapuh A	Daerah Kecil Bario	13	109
10	Pa Ramapuh B	Daerah Kecil Bario	11	194
11	Pa Main	Daerah Kecil Bario	15	77
12	Pa Bangar	Daerah Kecil Bario	12	60
13	Padang Pasir	Daerah Kecil Bario	25	136
14	Pa Derong	Daerah Kecil Bario	26	156
15	Pa Berang	Daerah Kecil Bario	18	65
16	Pa Dalih	Daerah Kecil Bario	41	300
17	Kampung Baru	Daerah Kecil Bario	14	70
18	Ramudu	Daerah Kecil Bario	18	87
19	Ramudu Hulu	Daerah Kecil Bario	20	180
20	Batu Patong	Daerah Kecil Bario	11	150
21	Long Dano (Pa Mada)	Daerah Kecil Bario	11	98
22	Pa Tik A	Daerah Kecil Bario	20	131
23	Pa Tik B	Daerah Kecil Bario	13	198
24	Long Kerong	Daerah Kecil Bario	38	155
25	Long Lubang	Daerah Kecil Bario	20	120
26	Ba Magoh	Daerah Kecil Bario	16	107
27	Ba Balau	Daerah Kecil Bario	12	96
28	Ba Kebaan 1	Daerah Kecil Bario	4	160
29	Ba Kebaan 2	Daerah Kecil Bario	9	205
30	Long Seridan A	Daerah Kecil Bario	21	135
31	Long Seridan B	Daerah Kecil Bario	12	145
32	Ba Tepen	Daerah Kecil Bario	4	130
33	Ba Lai	Daerah Kecil Bario	33	186
34	Long Balong/ Puak	Daerah Kecil Bario	16	136
35	Long Lamai	Daerah Kecil Bario	57	351
36	Long Banga	Daerah Kecil Bario	36	216
37	Long Pulung	Daerah Kecil Bario	12	260
38	Long Peluan	Daerah Kecil Bario	30	189
39	Long Beruang	Daerah Kecil Bario	40	250
40	Long Lelang A	Daerah Kecil Bario	25	230
41	Long Lelang B	Daerah Kecil Bario	12	188
42	Long Main	Daerah Kecil Bario	12	180
43	Long Kepang	Daerah Kecil Bario	23	153
44	Ba Kerameu	Daerah Kecil Bario	7	122
45	Long Sabai	Daerah Kecil Bario	20	210
46	Long Sait	Daerah Kecil Bario	43	180
		JUMLAH	929	7513

© Hak Milik Pejabat Residen Dan Daerah di Miri.